

KEMPEN KESEDARAN AWAM

No Dokumentasi: APTVM 21(a):1/2010

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

MALAYSIA

KANDUNGAN

Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia	2
1.0 Pengenalan	3
2.0 Objektif	3
3.0 Skop	3
4.0 Definisi	4
5.0 Kata singkatan	5
6.0 Arahan Am Kempen Kesedaran Awam	6
6.1 Jawatankuasa Kempen Penerangan JPV	6
6.2 Penetapan Skop Kempen	6
6.3 Skop Kempen Kesedaran Awam	6
6.4 Skop Kempen Kesedaran Awam Khas	6
6.5 Objektif Kempen Kesedaran Awam	7
6.6 Penetapan Strategi dan Pelan	7
6.7 Penyelaras Kempen	7
6.8 Tanggungjawab Penyelaras	8
7.0 Prosedur Kerja Kempen Kesedaran Awam.	8
7.1 Prakempen	8
7.2 Semasa Kempen	9

7.3	Pasca Kempen	9
7.3.1	Pengurusan Rekod	9
7.3.2	Penyediaan Laporan	9
7.4	Kaedah - kaedah Kempen Kesedaran Awam	10
8.0	Rujukan	11
9.0	Senarai Lampiran	11
9.1	Lampiran 1: Carta Aliran Kerja Kempen Kesedaran Awam	12
9.2	Lampiran 2: Borang Rekod Kempen Kesedaran Awam	13
9.3	Lampiran 3: Format Laporan Kempen Kesedaran Awam	14
9.4	Lampiran 4: Contoh Banner	15
9.5	Lampiran 5: Contoh Bunting	16
9.6	Lampiran 6: Contah Pengiklanan Surat Khabar	17
9.7	Lampiran 7: Contoh Pengiklanan Media Elektronik	18
	Jawatankuasa Penyediaan APTVM Kempen Kesedaran Awam	19
	Penghargaan	19

ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Kempen Kesedaran Awam (KKA) merupakan kaedah penerangan yang terancang untuk menyampaikan sesuatu mesej yang berkepentingan awam kepada masyarakat. KKA bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat mengenal dasar, perkhidmatan, program, aktiviti, serta isu berkaitan jabatan.

Dalam usaha Jabatan melaksanakan pelbagai fungsi dan peranannya seperti program kawalan dan pembasmian penyakit, pembangunan industri ternakan dan penguatkuasaan undang-undang serta pelbagai perkhidmatannya, jabatan memerlukan sokongan, dan penglibatan masyarakat awam demi kejayaannya.

Perlaksanaan KKA hendaklah dirancang dan diselaras secara sistematik. Pemilihan isu, penetapan objektif, penentuan mesej, medium serta strategi dan kaedahnya yang sesuai hendaklah dipastikan agar berkesan. KKA hendaklah dijalankan secara tuntas dan diselaraskan agar mencapai matlamat yang ditetapkan.

Maka APTVM KKA ini diwujudkan sebagai rujukan anggota Jabatan Perkhidmatan Veterinar agar KKA dapat dilaksanakan secara terancang dan sistematik dengan strategi dan kaedah yang tepat serta bersesuaian dengan kumpulan sasaran. Ini akan membantu segala usaha yang dibuat dalam

mencapai objektif dan sasarannya. Keberkesanan dan impak pelaksanaan KKA perlulah dinilai agar penambahbaikan dapat dibuat secara berterusan.

Akhir sekali, di harap dengan penerbitan APTVM KKA ini, semua aktiviti penerangan akan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan. Kerjasama dan kesungguhan semua pihak dalam menjalankan tugas dengan sempurna dan efisien pasti akan membawa kejayaan kepada jabatan.

DATO .DR. AZIZ BIN JAMALUDDIN

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR

MALAYSIA

KEMPEN KESEDARAN AWAM

1.0 PENGENALAN

Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia (APTVM) Kempen Kesedaran Awam (KKA) ini merupakan dokumen rujukan utama para pegawai dan anggota Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Malaysia dalam setiap aktiviti penerangan berkaitan JPV Malaysia. APTVM KKA disediakan supaya KKA dapat diselaraskan di seluruh negara dengan terancang, dijalankan menggunakan kaedah kempen yang berkesan dan direkodkan serta dilaporkan secara sistematik.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Menyediakan garis panduan umum untuk menjalankan KKA.
- 2.2 Memastikan KKA yang dijalankan mencapai matlamat dan tujuannya.
- 2.3 Memastikan supaya setiap program dan aktiviti KKA sentiasa direkod, dianalisis dan dinilai bagi mengetahui tahap kesedaran masyarakat dari semasa ke semasa.

3.0 SKOP

- 3.1 APTVM ini merangkumi definisi, prosedur, rekod, analisis dan pelaporan kempen kesedaran awam: dan
- 3.2 Mencakupi keseluruhan proses kerja kempen kesedaran awam bagi semua Perkhidmatan Veterinar di Malaysia.

4.0 DEFINISI

4.1 *Kempen Kesedaran Awam*

Program atau aktiviti penerangan yang dilakukan untuk memberi pengetahuan, pemahaman, dan penghayatan khusus terhadap sesuatu perkara, bagi meningkatkan tahap kesedaran awam.

4.2 *Tahap Kesedaran Awam*

Peringkat pengetahuan pemahaman dan penghayatan, serta amalan sesuatu budaya yang diterapkan melalui kempen kesedaran awam terhadap sesuatu perkara.

4.3 *Penyelaras Kempen Kesedaran*

Pegawai yang dilantik untuk menyelaras aktiviti - aktiviti kempen kesedaran jabatan sama ada di peringkat negeri atau kebangsaan.

4.4 *Pegawai Perhubungan Awam*

Pegawai yang dilantik untuk menjalankan tugas - tugas berkaitan perhubungan awam, media dan komunikasi.

4.5 *Anggota Jabatan*

Semua anggota yang berkhidmat di JPV Malaysia termasuk Veterinawan Bertauliah yang menjalankan tugas - tugas kempen kesedaran awam.

4.6 *Pelanggan Jabatan*

Individu atau syarikat persendirian mahupun keluarga yang menjalankan aktiviti penternakan, pemeliharaan haiwan, perdagangan, pemprosesan, penyedia perkhidmatan dan institusi berkaitan yang berurusan dengan JPV.

4.7 *Masyarakat Awam*

Individu atau kumpulan masyarakat selain pelanggan JPV.

4.8 *Media Massa*

Sebaran am atau pelbagai jenis alat komunikasi merangkumi media elektronik dan media cetak (televisyen, radio, surat khabar, majalah dan sebagainya) yang dapat menyampaikan maklumat (berita dan sebagainya) kepada orang ramai dengan cepat.

4.9 *Media Elektronik*

Saluran komunikasi secara elektronik yang mampu menyampaikan maklumat dan informasi melalui paparan visual atau audio mahupun kedua - duanya sekali seperti radio, televisyen dan seumpamanya.

4.10 Media Cetak

Saluran komunikasi berupa bahan cetakan atau bahan terbitan seperti surat khabar, risalah, majalah dan seumpamanya.

4.11 Khidmat Nasihat

Proses memberikan maklumat, panduan dan nasihat mengenai sesuatu perkara bagi tujuan melancarkan perkhidmatan atau pelaksanaan sesuatu, selaras dengan piawai yang telah ditetapkan.

4.12 Pengkalan Data

Pusat penyimpanan data berkomputer yang menyimpan segala data jabatan.

4.13 Banner

Kain rentang secara melintang yang disediakan secara khusus untuk penyampaian maklumat dan informasi. Saiz yang digunakan perlulah sesuai dan ekonomik.

4.14 Bunting

Kain rentang secara menegak yang disediakan secara khusus untuk penyampaian maklumat dan informasi. Saiz yang digunakan perlulah sesuai dan ekonomik.

4.15 Poster

Paparan bertulis atau bergambar atau kedua-duanya sekali yang dicetak dan disediakan pada kertas / kadbod yang disediakan secara khusus untuk penyampaian maklumat dan informasi. Saiz yang digunakan perlulah sesuai dan ekonomik.

4.16 Khidmat Pesanan Ringkas

Perkhidmatan penyampaian maklumat melalui telefon bimbit dengan paparan bertulis pada skrin telefon bimbit. Juga dikenali sebagai SMS atau Short Messages Services.

4.17 Pakar Runding

Pegawai Jabatan yang mempunyai kelayakan khusus dalam sesuatu bidang dan diiktiraf oleh Jabatan/badan profesional sebagai pakar runding atau memiliki pengalaman luas dalam/bidang sesuatu serta menjadi penyelarasan utama disiplin berkenaan.

5.0 KATA SINGKATAN

- | | | |
|-----|------------|--|
| 5.1 | APTVM | - Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia |
| 5.2 | KKA | - Kempen Kesedaran Awam |
| 5.3 | KPPV | - Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia |
| 5.4 | TKPPV (KV) | - Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Kesihatan Veterinar) |
| 5.5 | PPVN | - Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri |

- 5.6 IPPV - Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Malaysia
- 5.7 PRO - Public Relations Officer atau Pegawai Perhubungan Awam
- 5.8 SMS - Short Messagin Services atau Khidmat Pesanan Ringkas
- 5.9 JPV - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia
- 5.10 LTJ - Lawatan Terancang Berjadual
- 5.11 PPV - Perkhidmatan Pengembangan Veterinar

6.0 ARAHAN AM KEMPEN KESEDARAN AWAM

6.1 Jawatankuasa Kempen Penerangan JPV

- 6.1.1 Jawatankuasa Kempen Penerangan JPV merupakan jawatankuasa bertanggungjawab ke atas kempen kesedaran awam JPV.
- 6.1.2 Jawatankuasa ini dipengerusikan Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (Kesihatan Veterinar) dan dianggotai oleh semua PRO Negeri.
- 6.1.3 Jawatankuasa Kempen Penerangan diperingkat negeri pula dipengerusikan Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri.

6.2 Penetapan Skop Kempen

- 6.2.1 Kempen kesedaran awam JPV dikategorikan kepada 2 skop utama iaitu KKA Am dan KKA Khas.
- 6.2.2 Skop kempen perlu ditentukan untuk memastikan aktiviti kempen JPV dapat diselaraskan dengan baik

6.3 Skop Kempen Kesedaran Awam Am

- 6.3.1 KKA am meliputi perkara umum yang menyentuh kepentingan masyarakat secara menyeluruh dan meluas yang dikendalikan atau diselaraskan Seksyen Komunikasi Korporat di IPPV, Putrajaya.
- 6.3.2 Penentuan skop sesuatu KKA am diputuskan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (KPPV) dengan Jawatankuasa Dasar Jabatan.
- 6.3.3 Skopnya boleh ditentukan untuk menyokong dasar yang telah diputuskan oleh kerajaan.
- 6.3.4 KKA am boleh dibuat bagi meningkatkan serta memantapkan kefahaman dan kesedaran masyarakat mengenai sesuatu isu am sedia ada.

6.4 Skop Kempen Kesedaran Awam Khas

- 6.4.1 KKA Khas tertumpu kepada sekumpulan masyarakat yang terlibat secara langsung dalam sesuatu perkara atau dalam lokasi khusus.
- 6.4.2 KKA Khas dikendalikan atau diselaraskan oleh mana – mana Bahagian di IPPV, Putrajaya atau JPV Negeri.
- 6.4.3 Pengarah Bahagian boleh mengenal pasti skop khas untuk perakuan KPPV yang melibatkan kumpulan orang awam tertentu.
- 6.4.4 PPVN boleh menentukan KKA khas untuk meliputi isu dalam negeri atau lokasi tertentu serta memaklumkan kepada KPPV melalui Seksyen Komunikasi Korporat.
- 6.4.5 Pakar Runding boleh mengenal pasti isu atau perkara yang memerlukan aktiviti KKA khas dalam bidangnya untuk kelulusan KPPV atau pegawai yang diperturunkan kuasa.
- 6.4.6 KKA khas boleh dilaksanakan berasaskan dasar, protokol dan APTVM yang sedang dikuatkuasakan.

6.5 Objektif Kempen Kesedaran Awam

- 6.5.1 Semua KKA hendaklah memiliki objektif yang jelas dan boleh diukur impaknya dalam suatu tempoh tertentu.
- 6.5.2 Objektif suatu kempen mestilah menggambarkan tujuan dan matlamat kempen dijalankan.
- 6.5.3 Objektif perlulah relevan kepada kepentingan industri veterinar, jabatan mahupun kerajaan secara am.

6.6 Penetapan Strategi Dan Pelan

- 6.6.1 Semua aktiviti KKA perlu mempunyai strategi dan pelan tindakan yang sesuai.
- 6.6.2 Analisis khalayak hendaklah dijalankan sebelum menentukan sesuatu pelan tindakan dan strategi kempen bagi memastikan keberkesanan suatu kempen.

6.7 Penyelaras Kempen

6.7.1 Kempen Kesedaran Awam Am

- 6.7.1.1 PRO JPV bertanggungjawab menyelaras KKA Am untuk seluruh negara.

6.7.2 Kempen Kesedaran Awam Khas

- 6.7.2.1 Pengarah Bahagian hendaklah mengenal pasti dan melantik seorang penyelaras untuk setiap aktiviti KKA Khas. Pegawai yang sama atau pegawai yang berbeza boleh dilantik untuk menyelaras kempen yang berbeza.
- 6.7.2.2 PRO Negeri bertanggungjawab untuk menyelaras KKA Khas di peringkat negeri.

6.8 Tanggungjawab Penyelaras

- 6.8.1 Bagi KKA Am, PRO JPV bertanggungjawab untuk menyelaras Mesyuarat Jawatankuasa Kempen Penerangan JPV yang melibatkan semua PRO Negeri dan dipengerusikan oleh TKPPV (KV).
- 6.8.2 Bagi KKA Khas pula, PRO Negeri atau penyelaras kempen yang dilantik perlu menyelaras Mesyuarat Jawatankuasa Kempen Penerangan yang melibatkan semua pegawai teknikal negeri atau bahagian dan dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian atau PPVN.
- 6.8.3 Penyelaras bertanggungjawab memastikan KKA dilaksanakan berpandukan strategi dan pelan yang ditetapkan.
- 6.8.4 Penyelaras perlu membentuk Jawatankuasa Kecil Kempen bagi memastikan pelaksanaan kempen selaras antara semua bahagian dan negeri.
- 6.8.5 Penyelaras perlulah mengumpulkan laporan mengenai aktiviti kempen yang dijalankan.
- 6.8.6 Setiap maklumat dan informasi yang terkandung dalam bahan kempen, perlu disahkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar. atau pegawai yang diperturunkan kuasa untuk mengesahkannya.
- 6.8.7 Sebarang kesalahan mahupun kesilapan pada mana – mana penyampaian maklumat dan informasi adalah tanggungjawab penyelaras kempen untuk mengambil langkah pembetulan.
- 6.8.8 Pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk menyampaikan maklumat atau informasi melalui media. hanya boleh menyampaikan maklumat dan informasi teknikal sahaja.
- 6.8.9 Sebarang maklumat dan informasi berkaitan dasar jabatan dan kerajaan, tidak boleh disampaikan oleh mana - mana pegawai jabatan selain Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia, kecuali atas penurunan kuasa untuk bertindak sedemikian.
- 6.8.10 Setiap kempen yang dijalankan perlulah memberi fokus kepada golongan sasaran yang spesifik untuk menyampaikan maklumat dan informasi yang khusus.
- 6.8.11 Penyelaras bertanggungjawab menjalankan kajian impak serta melaporkannya kepada Jawatankuasa.
- 6.8.12 Dalam suatu tempoh tertentu, penyelaras kempen kesedaran perlu menjalankan analisis ke atas tahap kesedaran awam dengan melakukan kajian atau soal selidik ke atas representatif golongan sasaran secara rawak.
- 6.8.13 Hasil analisis akan dinilai untuk aktiviti kempen yang seterusnya mengikut keberkesanan dan kecekapan kempen yang telah diadakan.

7.0 PROSEDUR KERJA KEMPEN KESEDARAN AWAM

7.1 Prakempen

- 7.1.1 Penentuan skop dan tujuan kempen sebelum sesuatu kempen dijalankan. jawatankuasa kempen perlu menentukan skop, tujuan dan matlamat kempen.

- 7.1.2 Penentuan kategori kumpulan sasaran Jawatankuasa perlu menentukan kategori audien atau kumpulan sasaran yang hendak dikempen.
- 7.1.3 Penyediaan maklumat dan rangka kempen selepas menentukan tujuan dan kumpulan sasaran. jawatankuasa kempen perlu menyediakan maklumat lengkap serta rangka kempen secara komprehensif. Segala bahan kempen perlu disahkan KPPV atau pegawai yang diperturunkan kuasa.
- 7.1.4 Penentuan strategi dan pendekatan kempen strategi kempen perlulah menepati kehendak golongan sasaran manakala pendekatan kempen perlulah ekonomik dan berkesan.

7.2 Semasa Kempen

- 7.2.1 Aktiviti kempen mestilah dilaksanakan mengikut jadual pelaksanaan yang telah ditetapkan. Sebarang perubahan perlu dimaklumkan kepada jawatankuasa kempen.
- 7.2.2 Aktiviti kempen perlu dipantau dari semasa ke semasa sepanjang kempen dijalankan dengan memastikan mesej dan fakta yang disampaikan tepat mengikut strategi dan kaedah yang betul pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan.
- 7.2.3 Sepanjang tempoh kempen, borang penilaian dan maklum balas audien perlu diedarkan kepada golongan sasaran dan dikumpulkan.
- 7.2.4 Reaksi dan maklum balas audien semasa kempen berlangsung perlu dipantau dan dinilai jika perlu. Sekiranya berkenaan, maklumat dan kaedah penyampaian mesej boleh disemak semula untuk penambahbaikan.

7.3 Pasca Kempen

- 7.3.1 Penyelaras kempen perlu memastikan kesemua mesej dan fakta kempen telah disampaikan mengikut plan dan strategi yang telah ditetapkan.
- 7.3.2 Penyelaras kempen hendaklah memakumkan kepada jawatankuasa kempen selepas suatu aktiviti kempen selesai
- 7.3.3 Pengurusan Rekod
 - 7.3.3.1 Penyelaras kempen perlu memastikan setiap aktiviti kempen kesedaran awam direkodkan menggunakan Borang Rekod Kempen Kesedaran Awam (KKA 01) seperti Lampiran 2
 - 7.3.3.2 Bagi setiap aktiviti kempen yang melibatkan pertemuan langsung dengan kumpulan sasaran, Borang Soal Selidik Kempen Kesedaran Awam perlu diisi dan dianalisis.
 - 7.3.3.3 Setiap rekod perlu dikemaskini dari semasa ke semasa dan disahkan oleh penyelaras kempen.
 - 7.3.3.4 Setiap aktiviti kempen kesedaran awam perlu direkodkan, dilaporkan dan disimpan di dalam sistem.

7.3.4 Penyediaan Laporan

7.3.4.1 Setiap pegawai penyelaras yang mengendalikan program kempen kesedaran awam perlu melaporkan segala aktiviti kempen kepada jawatankuasa kempen.

7.3.4.2 Laporan KKA perlu disediakan mengikut format pelaporan seperti di Lampiran 3.

7.3.4.3 Sebelum menyediakan laporan, analisis pasca kempen perlu dilakukan untuk menilai keberkesanan kempen secara keseluruhan.

7.4 Kaedah - kaedah Kempen Kesedaran Awam

Terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan untuk menyampaikan maklumat dan informasi kepada golongan sasaran. Antara kaedah kempen yang boleh digunakan ialah:

7.4.1 Kempen melalui Media Elektronik

Maklumat dan informasi disampaikan melalui saluran televisyen atau radio yang terdapat di seluruh negara. Kempen boleh disampaikan melalui pengiklanan, berita, dokumentari, dialog, wawancara mahupun temubual.

7.4.2 Kempen melalui Media Cetak

Maklumat dan informasi disampaikan melalui surat khabar, banner, bunting, poster, risalah dan lain -lain bahan percetakan yang mampu menyampaikan mesej kepada golongan sasaran.

7.4.3 Kempen melalui Taklimat / Syarahan / Seminar

Maklumat dan informasi disampaikan melalui taklimat, syarahan, seminar mahupun lain - lain kaedah penyampaian ucapan di khalayak ramai.

7.4.4 Kempen melalui Khidmat Nasihat

Maklumat dan informasi disampaikan kepada golongan sasaran melalui pertemuan secara bersemuka ataupun telefon seperti LTJ, PPV, runding cara, perundingan dan konsultasi pakar perunding. Sila rujuk APTVM Khidmat Nasihat.

7.4.5 Kempen melalui Khidmat Pesanan Ringkas

Maklumat dan informasi disampaikan kepada golongan sasaran melalui kiriman khidmat pesanan ringkas (SMS) secara spesifik berkenaan sesuatu perkara.

7.4.6 Kempen melalui Kaedah - kaedah lain

Maklumat dan informasi disampaikan melalui kaedah – kaedah lain selain yang dinyatakan di atas. Antara kaedah yang boleh dilakukan ialah pengiklanan di papan - papan tanda billboard dan teknologi media yang lain seperti laman sesawang (website), Blog, facebook, myspace, twitter dan pelbagai lagi medium telekomunikasi.


8.0 RUJUKAN

- 8.1 Pelan Komunikasi Media Kementerian Penerangan Komunikasi & Kebudayaan
- 8.2 APTVM Khidmat Nasihat Pelanggan dan Pengembangan Veterinar
- 8.3 2nd OIE PSVS Workshop on Animal Health Communication Report, Manila, Filipina
- 8.4 Kamus Dewan Bahasa & Pustaka Edisi Ketiga

9.0 SENARAI LAMPIRAN

- 9.1 Lampiran 1 : Aliran Kerja Kempen Kesedaran Awam
- 9.2 Lampiran 2 : Borang Rekod Kempen Kesedaran Awam
- 9.3 Lampiran 3 : Format Laporan Kempen Kesedaran Awam
- 9.4 Lampiran 4 : Contoh *Banner*
- 9.5 Lampiran 5 : Contoh *Bunting*
- 9.6 Lampiran 6 : Contoh Iklan Media Cetak (Surat Khabar)
- 9.7 Lampiran 7 : Contoh Iklan Media Elektronik (Radio)

LAMPIRAN 1 : ALIRAN KERJA KEMPEN KESEDARAN AWAM



LAMPIRAN 2

BORANG REKOD KEMPEN KESEDARAN AWAM

Tarikh :
 Penyelaras :
 Organisasi :

No. Rujukan:

A. MAKLUMAT PRAKEMPEN	
Nama Kempen	
Skop Kempen	
Objektif Kempen	
Kumpulan Sasar	
Anggaran Jumlah Sasaran	
B. MAKLUMAT SEMASA KEMPEN	
Tarikh Mula Kempen	
Tarikh Tamat Kempen	
Tempoh Kempen	
Kaedah Kempen	
Bahan-bahan Kempen (Kuantiti Setiap Bahan Kempen)	
C. MAKLUMAT PASCA KEMPEN	
Jumlah Barang Soai Selidik (Diedarkan)	
Jumlah Borang Soal Selidik (Dikumpulkan)	
Masalah / Isu	
Penambahbaikan	

Tandatangan

Penyelaras Kempen:

.....

Tandatangan

Pengerusi Jawatankuasa Kempen;

.....

LAMPIRAN 3: FORMAT LAPORAN KEMPEN KESEDARAN AWAM

FORMAT LAPORAN ANALISIS KEMPEN KESEDARAN AWAM

1. Penyelaras Kempen
2. Nama Kempen
3. Skop Kempen
4. Tujuan / Objektif
5. Latar Belakang
6. Kumpulan Sasar
7. Jumlah Audien
8. Penilaian Kempen {Analisis KAP}
 - a. Pengetahuan (Knowledge)
 - b. Peri laku (Attitude)
 - c. Amalan (Practice)
9. Pandangan
10. Syor & Cadangan


LAMPIRAN 4 : CONTOH BANNER



Contoh-Contoh Saiz Banner

- i. 3' x 12'
- ii. 3' x 16'
- iii. 3' x 20'
- iv. 4' x 12'
- v. 4' x 16'
- vi. 4' x 20'

LAMPIRAN 5 : CONTOH BUNTING



Contoh-Contoh Saiz Bunting

- i. 2' X 5.
- ii. 2' X 4'
- iii. 2' X 6'
- iv. 3' X 5'
- v. 3' X 6'
- vi. 3' X 7'

LAMPIRAN 6 : CONTOH IKLAN MEDIA CETAK (SURAT KHABAR)



Sempena Bulan Veterinar 2009

RENCANA IKLAN

15 APRIL 2009

Sistem Dayajejak Ternakan untuk keselamatan haiwan

DAYAJEJAK ternakan (*livestock traceability*) ialah satu landasan yang mana ternakan diberikan nombor kod pengesanan dalam bentuk tag telinga atau tag leher.

Kod pengesanan itu mengandungi maklumat ternakan (seperti alama, jantina, jenis, jantina, nama pemernak dan tarikh pengesanan atau pendaftaran ternakan).

Maklumat itu boleh digunakan untuk mengesan aktiviti-aktiviti pergerakan atau persidahan ternakan dan memudahkan pengesanan punca penyakit ternakan supaya ternakan yang terjelek dapat diuruskan dan penyakit dapat dikawal daripada membara.

Pengesanan dibuat dalam bentuk perisian aplikasi komputer bagi memudahkan pencarian maklumat.

Sistem dayajejak itu telah dimulakan oleh negara-negara seperti Australia, Kanada, New Zealand dan Amerika Syarikat.

Sebagai contoh, negara itu menggunakan sistem *National Livestock Identification System (NLIS)* di Kanada (*Canadian Livestock Identification System (CLIS)*); *National Livestock Identification and Traceability System (NAMES)* dan Amerika Syarikat (*National Livestock Traceability System (NLIS)*).

Negara-negara Asia seperti China dan Thailand telah memulakan kajian dan projek projek perintis dayajejak ternakan.

Sistem Dayajejak Ternakan Malaysia (*Nasional Livestock Traceability System (NLIS)*)

Projek Rukun dan Mabit yang sedang berlaku di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia telah mendorong Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menggunakan dayajejak ternakan (*livestock traceability*) serentak dengan pelaksanaan PMD bagi memajukan projek tersebut.

Tujuan mewujudkan sistem dayajejak ternakan (NLIS) ialah untuk memulakan projek PMD. Di peringkat permulaan NLIS akan dilaksanakan terhadap ternakan ruminan yang tergolong PMD sering berlaku.

Pada umumnya, sistem dayajejak ini perlu merangkumi beberapa unsur utama yang akan memudahkan pengesanan lokasi ternakan mulai dari masa ternakan berkenaan diimport atau di lahir sehingga ternakan itu maut atau dierubah.

Umumnya ini ialah pengesanan ternakan yang unik; kaedah pemindahan ternakan dan Pengaliran data berkaitan maklumat.



TERDAPAT beberapa kaedah alternatif di pasaran yang boleh dipertimbangkan iaitu:

- Bar-kod pada tag telinga
- Beberapa jenis bar-kod telah wujud dalam pasaran. Bar-kod adalah memerlukan 'line-of-sight' dan boleh diredah oleh keletihan.
- **Peralatan 'Radio Frequency Identification' (RFID)**
- Peralatan ini merupakan sejenis mikro-chip yang dimasukkan kepada ternakan. Apabila dibaca oleh alat pembaca RFID, chip RFID akan memancarkan kod pengesanan.
- Chip yang bersaiz kecil termasuk antenna boleh dibungkus dalam kufi plastik dalam bentuk tag telinga atau ruminan.
- Chip RFID juga boleh dibungkus dalam bentuk kapsul kaca sebagai 'injectable RFID tag'.

Tag RFID terdapat di dalam beberapa frekuensi iaitu:

- Low frequency (LF) (125-134 kHz)
- Digunakan untuk tag pengesanan ternakan
- Tidak digunakan oleh air dan besi
- High frequency (HF) (13.56 MHz)
- Digunakan dalam brans card
- Istimewa kerana saiznya sangat kecil
- Ultra-high frequency (UHF) (900-960 MHz)
- Digunakan untuk pengesanan stok dalam sebuah
- Digunakan oleh air dan besi & fuzi sesuai untuk pengesanan ternakan

• Beberapa tag boleh dibaca dalam satu bucu

• Microwave frequency (2.45 & 5.8 GHz)

• Digunakan dalam kumpulan tag elektronik

• Digunakan oleh air dan besi

Ada tiga bentuk tag RFID LF yang sesuai untuk ternakan:

- Tag telinga
- Ia adalah bentuk yang popular kerana senang dipasang. Jika perlu, tag yang tempatan boleh dipotong kepada saiz yang diperlukan.
- Ia adalah sejenis seramik untuk menghalang pencurian tag telinga dan pengesanan semula tag tersebut pada ternakan yang lain.
- Khasnya bentuk
- Boleh perlu dibayar oleh ternakan dan boleh terbebas akan dalam bentuk ternakan sehingga dikeluarkan semasa menyembuh.
- Ia adalah satu bekalan kerana boleh terbebas tidak boleh hilang atau dicuri sehingga ternakan itu disembelih.
- Boleh juga boleh digunakan semula sehingga dikeluarkan dari perut ternakan disembelih.
- Tag ruminan boleh sesuai dipasang kerana ternakan perlu memakan bulus dan bucu ternakan bulus tersebut adalah lebih suka kerana tidak dapat dipotong lokasinya di dalam perut ternakan
- Kapsul gelas injektabel
- Biasanya dipakai untuk pengesanan haiwan kesihatan dan kitaran. Ia kurang sesuai untuk ternakan ruminan kerana kapsul gelas ini boleh bergeser di bawah kulit dan bertukar lokasinya.

Pengenalan ternakan amalan semasa

DI ladang-ladang ternakan lazimnya Perkhidmatan Veterinar (JPV), setiap ternakan ruminan disediakan dengan tag telinga plastik yang dilabel kod ladang dan tarikh lahir ternakan berkenaan.

Tag telinga yang berbeza-beda ini boleh tercabut apabila ternakan pada dalam, pagar dan sebagainya.

Tanpa tag, peternak dipaparkan dalam keadaan pemindahan ternakan ruminan dan kerbau di negeri-negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu.

Ia dibuat untuk memantapkan pengesanan ternakan dilakukan walaupun tag telinga tercabut. Hasil ini tidak lagi dimulakan.

Di bawah perkhidmatan negeri, peternak diberi tag telinga setiap kod ternakan berkenaan diimport atau di lahir dengan pemindahan.

Pemernak-pemernak juga dipaparkan menggunakan tag telinga untuk tujuan pengesanan ternakan masing-masing.

Ternakan yang tidak tag telinga dibaring pada ternakan yang sedang bergerak adalah akan dan perlu dibayar sebelum kod dapat dibaca.

Kemungkinan nombor pengesanan ternakan tidak disyorkan dalam pengaliran data komputer ternakan oleh peternak di ladang.

Tiada peminat kod pengesanan yang mana pemernak-pemernak menggunakan kod masing-masing.

Ternakan yang tidak tag telinga dibaring pada ternakan yang sedang bergerak adalah akan dan perlu dibayar sebelum kod dapat dibaca.

Kemungkinan nombor pengesanan ternakan tidak disyorkan dalam pengaliran data komputer ternakan oleh peternak di ladang.

Tag telinga yang digunakan pada ruminan boleh diletakkan, diguna semula atau ditiru.

Ia menimbulkan masalah untuk mengesan ternakan dengan tepat.

Pembacaan nombor kod pada tag telinga pada ternakan yang sedang bergerak adalah akan dan perlu dibayar sebelum kod dapat dibaca.

Ia akan menimbulkan masalah apabila memulakan ternakan di dalam kumpulan yang hendak dipindahkan.

Resilapan boleh berlaku semasa pemindahan ternakan kod pengesanan jika dibayar secara talian atau diimpur terus ke dalam pengaliran data.

Kaedah Pengesanan Alternatif

TERDAPAT beberapa kaedah alternatif di pasaran yang boleh dipertimbangkan iaitu:

- Bar-kod pada tag telinga
- Beberapa jenis bar-kod telah wujud dalam pasaran. Bar-kod adalah memerlukan 'line-of-sight' dan boleh diredah oleh keletihan.
- **Peralatan 'Radio Frequency Identification' (RFID)**
- Peralatan ini merupakan sejenis mikro-chip yang dimasukkan kepada ternakan. Apabila dibaca oleh alat pembaca RFID, chip RFID akan memancarkan kod pengesanan.
- Chip yang bersaiz kecil termasuk antenna boleh dibungkus dalam kufi plastik dalam bentuk tag telinga atau ruminan.
- Chip RFID juga boleh dibungkus dalam bentuk kapsul kaca sebagai 'injectable RFID tag'.

Tag RFID terdapat di dalam beberapa frekuensi iaitu:

- Low frequency (LF) (125-134 kHz)
- Digunakan untuk tag pengesanan ternakan
- Tidak digunakan oleh air dan besi
- High frequency (HF) (13.56 MHz)
- Digunakan dalam brans card
- Istimewa kerana saiznya sangat kecil
- Ultra-high frequency (UHF) (900-960 MHz)
- Digunakan untuk pengesanan stok dalam sebuah
- Digunakan oleh air dan besi & fuzi sesuai untuk pengesanan ternakan

• Beberapa tag boleh dibaca dalam satu bucu

• Microwave frequency (2.45 & 5.8 GHz)

• Digunakan dalam kumpulan tag elektronik

• Digunakan oleh air dan besi

Ada tiga bentuk tag RFID LF yang sesuai untuk ternakan:

- Tag telinga
- Ia adalah bentuk yang popular kerana senang dipasang. Jika perlu, tag yang tempatan boleh dipotong kepada saiz yang diperlukan.
- Ia adalah sejenis seramik untuk menghalang pencurian tag telinga dan pengesanan semula tag tersebut pada ternakan yang lain.
- Khasnya bentuk
- Boleh perlu dibayar oleh ternakan dan boleh terbebas akan dalam bentuk ternakan sehingga dikeluarkan semasa menyembuh.
- Ia adalah satu bekalan kerana boleh terbebas tidak boleh hilang atau dicuri sehingga ternakan itu disembelih.
- Boleh juga boleh digunakan semula sehingga dikeluarkan dari perut ternakan disembelih.
- Tag ruminan boleh sesuai dipasang kerana ternakan perlu memakan bulus dan bucu ternakan bulus tersebut adalah lebih suka kerana tidak dapat dipotong lokasinya di dalam perut ternakan
- Kapsul gelas injektabel
- Biasanya dipakai untuk pengesanan haiwan kesihatan dan kitaran. Ia kurang sesuai untuk ternakan ruminan kerana kapsul gelas ini boleh bergeser di bawah kulit dan bertukar lokasinya.

Jenis tag yang sesuai untuk ternakan

JABATAN Perkhidmatan Veterinar (JPV) telah memilih jenis tag telinga kerana pemernak atau itu adalah amalan pengesanan ternakan lazimnya yang boleh dibayar oleh peternak-peternak ladang ternakan.

Bentuk tag telinga RFID dalam bentuk bulus bulus yang digunakan di dalam ladang ternakan lazimnya adalah kecil dan menggunakan teknologi tag telinga.

Tag itu akan dipasang di sebelah telinga ternakan ternakan di sebelah lagi akan dipasang dengan tag telinga bulus (tag RFID) yang dibayar dengan nombor siri atau kod-kod lain.

Tujuan tag yang bulus (tag RFID) ialah untuk memantapkan pengesanan ternakan jika tag RFID hilang, tag.

Apabila tag telinga RFID hilang, tag ternakan baru perlu dipasangkan dan nombor kod baru perlu dimasukkan dalam pengaliran data ternakan berkenaan.

Jika ternakan tidak dipasangkan tag, sistem dayajejak akan gagal kerana maklumat ternakan yang tidak dibayar tag tidak tersandi di dalam pengaliran data.

Ia ternakan itu dipasangkan peternak, sistem pengesanan atau pemindahan ternakan berkenaan tidak sah dan peternak bertanggungjawab tidak dapat dicari.

Apabila pengaliran data tidak lengkap, sistem dayajejak akan gagal dalam mencari ternakan oleh negara pengirim.

Dengan itu, export ternakan atau produk ternakan akan terjelek.

JPV memilih tag RFID yang sama jenis dengan tag yang digunakan di kebanyakan negara lain.

Tag tersebut mematuhi piawaian ISO, iaitu:

- MS ISO 11784:2003 (berdasarkan ISO 11784:1996) yang memantapkan piawaian kod pengesanan.
- MS ISO 11785:2003 (berdasarkan ISO 11785:1996) yang memantapkan spesifikasi teknikal.

Kebanyakan piawaian ISO adalah berkaitan dengan tag RFID serta peranti selangut seperti pembaca RFID.

Keperluan pemindahan nombor pengesanan ternakan dengan betul adalah penting dalam sistem dayajejak.

Kod pengesanan yang dibayar adalah 15 digit yang memuatkan tiga digit pertama kod negara diimpur dengan 12 digit nombor siri yang unik.



Walau bagaimanapun, kod-kod pengesanan ternakan boleh digunakan untuk mengesan lokasi ternakan diimport atau di lahir yang pernah bersama (in-contact) dengan ternakan yang pernah dipasangkan dan aktiviti kawalan penyakit dapat dipantau dalam masa yang singkat.

Sistem dayajejak ternakan yang menggunakan kod-kod pengesanan ternakan boleh digunakan untuk mengesan lokasi ternakan diimport atau di lahir yang pernah bersama (in-contact) dengan ternakan yang pernah dipasangkan dan aktiviti kawalan penyakit dapat dipantau dalam masa yang singkat.

Dayajejak untuk pasaran luaran

KESATUAN Eropah (EU) telah melakukan kajian keperluan sistem dayajejak sebagai jaminan keselamatan makanan yang dipasangkan kepada negara-negara EU. Oleh itu, Malaysia perlu melaksanakan sistem dayajejak ternakan untuk mematuhi keperluan yang ditetapkan dalam pasaran makanan haiwan dan mematuhi syarat-syarat pengimporan makanan di beberapa negara seperti EU, Amerika Syarikat, Arab Saudi dan negara-negara Timur Tengah.

Walau bagaimanapun, ternakan ruminan negara kita tidak mempunyai kod yang sah untuk pasaran luar negara.

Dayajejak Untuk Kawalan Penyakit Ternakan adalah berfaedah untuk pengesanan penyakit ternakan adalah penting bagi membolehkan kawalan penyakit dapat dilaksanakan dengan segera dan berkesan.

Sistem dayajejak ternakan yang menggunakan kod-kod pengesanan ternakan boleh digunakan untuk mengesan lokasi ternakan diimport atau di lahir yang pernah bersama (in-contact) dengan ternakan yang pernah dipasangkan dan aktiviti kawalan penyakit dapat dipantau dalam masa yang singkat.

Tarikh diadakan dan penanti	Ramangan/Penghian
4 April 2009 (Sabtu)	Pelancaran Sistem Dayajejak Ternakan (RFID) di PTH, Pantar, Terengganu, Tanah Merah, Kelantan
14 April 2009 (Sabtu)	Pemertuan Bulan Veterinar Peringkat Negeri Sarawak di Miti, Sarawak
15 April 2009 (Sabtu)	Pemertuan Bulan Veterinar Peringkat Sabah di Kota Kinabalu, Sabah
16 April 2009 (Sabtu)	Pemertuan Bulan Veterinar Peringkat Negeri Sembilan di Kota Bharu, Negeri Sembilan

Pelancaran Sistem Dayajejak Ternakan RFID

JPV telah membangunkan satu sistem dayajejak ternakan RFID dengan sebuah perisian khusus.

Pelancaran sistem dayajejak ternakan RFID ini diwujudkan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Muzaffar Mohamed di Pusat Ternakan Haiwan Persekitaran, Tanah Merah, Kelantan hari ini.

LAMPIRAN 7 : CONTOH IKLAN MEDIA ELEKTRONIK (RADIO)

Skrip *Jingle Radio* MAHA 2008 Asal

Tajuk	: Skrip Jingle Radio MAHA 2008
Versi	: 1.6
Bahasa	: Bahasa Melayu
Durasi	: 60 saat
VO / Cast	: Sabri Yunus (Halim), Zami Ismail (Pak Nawi), Aei (Helmi)
Disediakan oleh	: Mattmors Production
Untuk	: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia
Watak	Dialog
Pak Nawi	Awal kau tutup kedai?
Halim	Saya nak pergi ke Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA)
Pak Nawi	Eh~, kau berniaga apa kena mengena dengan bertani, aku pun tak pergi.
Halim	Kat sana ada formula yang baik macamana kita boleh jadi jutawan dalam bidang pertanian.
Pak Nawi	Tak payahla tutup kedai. Biarlah anak kau jaga kedai.
Halim	Dia pun saya bawak sama.
Pak Nawi	Dia tu budak muda, mana minat nak jadi petani.
Halim	Petani sekarang, orang panggil usahawan tani, Pak Nawi, saya minat tu. Saya nak pergi.
Pak Nawi	Kalau macam tu aku pun nak ajak anak aku pergi sama, boleh jadi usahawan tani.
Halim & Helmi	Boleh jadi jutawan.
VO	Pameran MAHA 2008 bertempat di Taman Ekspo Pertanian Malaysia. Serdang Selangor, bermula pada 12hingga 23 Ogos 2008. 'Pertanian Adalah Perniagaan'

JAWATANKUASA PENYEDIAAN APTVM KEMPEN KESEDARAN AWAM

Penasihat

Y.Bhg. Dato' Dr. Mohamad Azmie bin Zakaria

Ketua Editor

Dr. Ahmad bin Salleh

Editor

Dr. Muhammad Nazri bin Khairuddin

Sidang Pengarang

Dr. Muhammad Nazri bin Khairuddin

Dr. Ainul Yuzairi bin Mohd Yusof

Dr. Nazahiyah binti Sulaiman

Cik Eparizan binti Mansor

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penyediaan APTVM Kempen Kesedaran Awam ini, khususnya:

1. Semua Pengarah Bahagian, IPPV
2. Semua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
3. Semua Ketua Seksyen, IPPV
4. Semua Pegawai Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit
5. Dr. Muhammad Nazri bin Khairuddin
Seksyen Kawalan & Pembasmian Penyakit

6. Dr. Ainul Yuzairi bin Mohd Yusof
Seksyen Zoonosis & Kesihatan Awam
 7. Dr. Nazahiyah binti Sulaiman
Seksyen Komunikasi Korporat & Antarabangsa
 8. Cik Eparizan binti Mansor
*Pegawai Perhubungan Awam,
Bahagian Korporat,
Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia*
-

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS,
Jabatan Perkhidmatan Veterinar,
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani,
Wisma Tani, Blok Podium 4G1, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62630 Putrajaya

Tel : 03-8870 2000

Faks : 03-8888 6472

Email : pro@dvs.gov.my

Laman web : <http://www.dvs.gov.my>